

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos/September
2015
2¼ jam

1103/



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN SIJIL PENDIDIKAN MRSM 2015

PERATURAN PEMARKAHAN

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

1
1
0
3
1

**PEPERIKSAAN AKHIR SIJIL PENDIDIKAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA
PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 2015**

Peraturan Pemarkahan Bahagian A

Karangan berdasarkan bahan rangsangan

1. Pemeriksa akan memeriksa karangan secara holistik dengan berpandukan kriteria yang ditetapkan.
2. Karangan dinilai dari segi pendahuluan, perenggan isi dan penutup. Calon mestilah mengemukakan sekurang-kurangnya tiga isi.
3. Markah karangan akan dinilai oleh pemeriksa secara holistik. Langkah-langkah yang dilakukan semasa pemeriksaan adalah seperti yang berikut:-
 - a. Pemeriksa akan membaca karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya. Selepas itu, pemeriksa akan menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
 - b. Selepas itu, pemeriksa akan membaca karangan tersebut untuk kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria penskoran.
 - c. Karangan yang kurang daripada 200 patah perkataan akan diperiksa seperti biasa oleh pemeriksa. Namun demikian, markah keseluruhan akan terjejas disebabkan calon tidak dapat memenuhi kehendak soalan, iaitu karangan perlu ditulis antara 200 hingga 250 patah perkataan.

SOALAN:

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian aktiviti penjagaan alam sekitar dan langkah-langkah memelihara alam sekitar.

Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah memelihara alam sekitar sebagai tanggungjawab bersama. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Kehendak soalan

1. Calon perlu menghuraikan langkah-langkah memelihara alam sekitar sebagai tanggungjawab bersama.
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan.
 - Menggalakkan tanaman hijau
 - Menjaga kebersihan sungai
 - Mengamalkan kitar semula
3. Sekiranya calon menghuraikan isi tanpa mengaitkan dengan contoh daripada bahan rangsangan maksimum **Kepujian(20-25)**.

4. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, maksimum peringkat **Kepujian (20-25)**.
5. Sekiranya calon mengambil 1 isi yang diberikan dan ditambah dengan 2 isi yang lain, layak diberikan **Cemerlang (26-30)**.
6. Sekiranya calon menghuraikan tanggungjawab satu pihak sahaja – contohnya kerajaan maksimum **Kepujian Bawah (20-22)**.

7. Komen Pemeriksa:

- T – Tugas
- I – Idea
- B – Bahasa

Contoh penulisan komen:

7.1 Cemerlang (27 markah)

- T - karangan menepati tugas
- I - idea relevan dan idea dihuraikan dengan jelas serta matang
- B - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas dan tepat

7.2 Kepujian (23 markah)

- T - karangan menepati tugas
- I - idea relevan dan dihuraikan dengan jelas
- B - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas

7.3 Memuaskan (18 markah)

- T - karangan masih menepati tugas
- I - idea masih relevan dan huraian idea masih jelas. Huraian idea masih tersusun dan berfokus
- B - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Kosa katanya umum

7.4 Kurang Memuaskan (11 markah)

- T - karangan kurang menepati tugas
- I - idea kurang relevan dan huraian idea kurang jelas.
- B - bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata terhad

7.5 Pencapaian Minimum (06 markah)

- Keseluruhan karangan tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Idea tidak menepati tugas.

KRITERIA PEMARKAHAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26-30 (28-30) (26-27)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan matang.
Kepujian	20-25 (23-25) (20-22)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. • Penggunaan kosa kata luas. • Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas.
Memuaskan	15-19 (17-19) (15-16)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut masih Sistem Ejaan Rumi Baru. • Penggunaan kosa kata umum. • Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea masih jelas.
Kurang Memuaskan	10-14 (12-14) (10-11)	<ul style="list-style-type: none"> • Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan. • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Wacananya kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiananya kurang jelas.

Pencapaian Minimum	01-09 (06-09) (01-05)	<ul style="list-style-type: none">• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.• Idea tidak menepati tema bahan rangsangan.
--------------------	-----------------------------	---

Peraturan Pemarkahan Bahagian B**SOALAN 1**

Remaja pada era ini amat mementingkan jenama produk untuk kegunaan mereka seperti pakaian, gajet dan barangan penjagaan diri.

Jelaskan kesan-kesan tabiat mementingkan jenama produk kepada remaja.

DIMENSI : INDIVIDU

SKOP : Ambang Remaja (Unit 2 : Tingkatan 4)

a. Format : Tiada

b. Diharapkan calon dapat:

Menjelaskan kesan-kesan tabiat mementingkan jenama produk kepada remaja.

c. Kemungkinan :

- i. Calon menjelaskan tabiat mementingkan jenama produk kepada remaja tanpa menyentuh kesan-kesannya – diterima **Memuaskan Atas (43-50)**
- ii. Calon menjelaskan kesan penggunaan gajet dan teknologi – diterima **Baik Bawah (51-57)**
- iii. Calon menjelaskan salah satu daripada kesan positif atau kesan negatif tabiat ini kepada remaja – diterima dan diperiksa seperti biasa
- iv. Calon menjelaskan kesan-kesan positif dan negatif tabiat ini kepada remaja – diterima dan diperiksa seperti biasa

d. Isi cadangan

Kesan positif:

- i) Meningkatkan keyakinan diri
- ii) Melahirkan remaja kreatif dan inovatif
- iii) Remaja lebih bersikap terbuka
- iv) Mewujudkan persaingan yang sihat
- v) Remaja tidak ketinggalan zaman

Kesan negatif:

- i) Berlaku pembaziran dalam perbelanjaan/boros
- ii) Mewujudkan persaingan tidak sihat dalam perhubungan sesama rakan/sikap berlumba-lumba
- iii) Remaja mudah ditipu
- iv) Menimbulkan perasaan riak dan ego/wujudnya perbezaan status sosial
- v) Mendorong pelajar melakukan perkara-perkara negatif – mencuri/mengugut

SOALAN 2

Penyakit demam denggi merupakan ancaman yang membimbangkan masyarakat.

Bincangkan tanggungjawab ahli keluarga dalam menangani ancaman penyakit ini.

DIMENSI : KELUARGA

SKOP : Gaya Hidup Sihat (Unit 8: Tingkatan 4)

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan calon dapat:
Menjelaskan tanggungjawab ahli keluarga dalam menangani ancaman penyakit
- c. Kemungkinan :
 - i. Calon menyatakan peranan ibu bapa sahaja tanpa mengaitkan peranan ahli keluarga lain – diterima **Kepujian Atas (73-79)**
 - ii. Calon hanya menghuraikan tanggungjawab ahli keluarga secara umum tanpa menyentuh peranan khusus daripada ibu bapa dan saudara-mara – diterima **Kepujian Bawah (66-72)**
 - iii. Calon menyatakan peranan ibu bapa sahaja tanpa mengaitkan peranan ahli keluarga lain – diterima **Kepujian Atas (73-79)**
- d. Isi cadangan :
 - i) Membudayakan amalan menjaga kebersihan dalam keluarga / kesedaran kepada anak tentang bahaya demam denggi – gotong-royong
 - ii) Mendidik keluarga mengamalkan gaya hidup sihat untuk meningkatkan tahap imunisasi badan
 - iii) Aktiviti pemantauan / menasihati antara satu sama lain apabila melakukan aktiviti di luar rumah
 - iv) Menghadiri / menyertai kempen / aktiviti / program pencegahan demam denggi yang dianjurkan oleh pelbagai pihak
 - v) Mendapatkan rawatan dengan segera sekiranya terdapat simptom

SOALAN 3

Sikap segelintir masyarakat yang sewenang-wenangnya menyebarkan berita melalui laman sembang seperti *WhatsApp*, *WeChat* dan *Twitter* menimbulkan pelbagai masalah kepada masyarakat. Anda berhasrat untuk menulis rencana tentang punca-punca gejala ini dan usaha-usaha untuk menanganinya.

Tulis rencana itu selengkapny.

DIMENSI : MASYARAKAT

SKOP : Komunikasi (Unit 11 : Tingkatan 5)

a. Format : Rencana

Tolak jika :

- i) Tiada tajuk 1m
- ii) Tiada nama penulis 1m

*sekiranya calon tidak mengikut format rencana, markah maksimum **Kepujian Atas (73-79)**.

b. Diharapkan calon dapat :

Menghuraikan kedua-dua aspek iaitu punca-punca dan usaha-usaha menangani gejala ini dengan menyatakan masalah yang timbul melalui penggunaan laman sembang walaupun secara sepintas lalu (contoh – fitnah/mengaibkan/menjatuhkan maruah dan menyentuh sensitiviti kaum/agama).

c. Kemungkinan :

- i. Calon hanya menceritakan masalah secara umum sahaja – diterima **Memuaskan (36-50)**
- ii. Calon menyatakan satu aspek sahaja sama ada punca-punca atau usaha-usaha untuk menanganinya – diterima **Baik Atas (58-65)**
- iii. Sekiranya calon menghuraikan punca-punca dan usaha-usaha tanpa mengaitkan dengan masalah yang timbul melalui penggunaan laman sembang – diterima **Kepujian (66-79)**

d. Isi Cadangan :

Punca:

- i) Laman sembang mudah diakses / percuma dan mudah diperoleh di mana-mana sahaja.
- ii) Penguatkuasaan dan pemantauan yang lemah oleh SKMM (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia) / pelbagai pihak yang bertanggungjawab
- iii) Sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab / suka berseronok (hedonisme)
- iv) Tiada kawalan/pengawasan daripada ibu bapa

Usaha:

- i) Menguatkuasakan peranan pihak bertanggungjawab
- ii) Pemantauan dan kawalan daripada keluarga
- iii) Peranan guru / pihak sekolah dalam mewujudkan kesedaran
- iv) Peranan masyarakat yang perlu menegur dan menasihati sikap remaja
- v) Tindakan undang-undang yang tegas

SOALAN 4

Kemasukan pelajar asing ke negara ini telah menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan yang tersohor di peringkat global.

Huraikan faktor-faktor yang menarik minat pelajar-pelajar dari luar negara untuk melanjutkan pelajaran di negara ini berbanding dengan negara-negara lain.

DIMENSI : ANTARABANGSA

SKOP : Pendidikan Alaf Ini (Unit 2: Tingkatan 5)

a. Format : Tiada

b. Diharapkan calon dapat:

Menghuraikan faktor-faktor yang menarik minat pelajar-pelajar dari luar negara untuk melanjutkan pelajaran di negara ini berbanding dengan negara-negara lain.

c. Kemungkinan :

i) Calon menghuraikan faktor-faktor yang melibatkan pelajar dari negara Malaysia sahaja – diterima **Memuaskan (36-42)**.

ii) Calon menghuraikan factor-faktor yang menarik minat pelajar-pelajar dari luar negara tanpa merujuk mana-mana negara – diterima **Baik Bawah (51-57)**

d. Isi Cadangan :

- i) Keadaan politik yang stabil berbanding dengan negara-negara serantau
- ii) Yuran pengajian yang rendah berbanding negara lain
- iii) Silibus pengajian bertaraf global
- iv) Sistem pendidikan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa
- v) Promosi yang dijalankan di peringkat global
- vi) Penggunaan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa perantaraan
- vii) Infrastruktur / prasana yang setaraf di peringkat global
- viii) Faktor budaya
- ix) Faktor cuaca / iklim

SOALAN 5

Peribahasa 'Sediakan payung sebelum hujan' membawa maksud mengamalkan sikap berwaspada sebelum ditimpa kesusahan.

Huraikan pendapat anda tentang kepentingan mengamalkan sikap berwaspada sebelum ditimpa kesusahan dalam kehidupan masyarakat pada hari ini.

DIMENSI : MASYARAKAT

SKOP : Generasi Kita (Unit 7: Tingkatan 4)

- a. Format: Tiada
- b. Diharapkan calon dapat:
Menghuraikan kepentingan mengamalkan sikap berwaspada sebelum ditimpa kesusahan dalam kehidupan masyarakat pada hari ini
- c. Kemungkinan :
- i) Calon hanya menghuraikan maksud peribahasa tersebut. tanpa menyatakan kepentingan mengamalkan sikap berwaspada sebelum ditimpa kesusahan dalam kehidupan masyarakat pada hari ini – diterima **Memuaskan (36-42)**
 - ii) Calon menulis cerpen berdasarkan peribahasa tersebut tanpa mengaitkan kepentingannya dalam kehidupan masyarakat pada hari ini – diterima **Memuaskan Bawah (36-42)**
- d. Isi Cadangan :
- i) Masyarakat lebih prihatin dalam melakukan sesuatu pekerjaan
 - ii) Masyarakat akan berpandangan jauh dalam merencanakan kehidupan
 - iii) Masyarakat akan membuat persediaan awal untuk menghadapi sebarang kemungkinan
 - iv) Masyarakat akan lebih bijak dalam membuat keputusan/membuat perancangan masa depan
 - v) Masyarakat akan lebih berhemat dalam perbelanjaan
 - vi) Masyarakat akan lebih berhati-hati dan mengambil iktibar daripada pengalaman / peristiwa lepas

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT